



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 2/2016**

---

**Penetapan Kos Pengurusan Proses Perampasan Tanah Di Bawah  
Seksyen 100 Dan 130 Kanun Tanah Negara 1965**

**1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai penetapan kos pengurusan proses perampasan tanah di bawah seksyen 100 dan seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965.

**2. Latar Belakang**

- 2.1 Pada masa kini, Pihak Berkuasa Negeri tidak menetapkan sebarang jumlah ke atas kos pengurusan proses perampasan tanah yang dilaksanakan di bawah seksyen 100 dan seksyen 130, Kanun Tanah Negara.
- 2.2 Kos pengurusan sebenar proses perampasan tanah ini perlu ditetapkan untuk digunakan sebagai syarat tambahan semasa Pihak Berkuasa Negeri menimbangkan permohonan pemberimilikan tanah (Rampasan 8A) di bawah seksyen 76, Kanun Tanah Negara dan permohonan pembatalan perampasan di bawah seksyen 133, Kanun Tanah Negara.

- 2.3 Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 3 Februari 2016 melalui Kertas Mesyuarat No.376/2016 telah bersetuju dan meluluskan struktur pengiraan kos pengurusan proses perampasan tanah sebanyak RM 1,500.00 bagi kes yang melibatkan Notis Gantian 6A dan RM 1,200.00 bagi yang tidak melibatkan Notis Gantian 6A.

### 3. Pelaksanaan

- 3.1 Berkuat kuasa serta merta, kos pengurusan proses perampasan tanah adalah ditetapkan seperti berikut:

**3.1.1. Dengan Notis Gantian 6A**

RM 1,500.00 dan

**3.1.2. Tanpa Notis Gantian 6A**

RM 1,200.00

- 3.2 Semua Pentadbir Tanah Daerah adalah diminta untuk memastikan semua kertas pertimbangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi pembatalan perampasan mengikut seksyen 133 Kanun Tanah Negara 1965 atau pemberimilikan tanah (akibat perampasan 8A) hendaklah diselaraskan seperti berikut :

**3.2.1. Pembatalan perampasan mengikut seksyen 133 Kanun Tanah Negara 1965 atau pemberimilikan tanah mengikut seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (akibat perampasan tanah)**

Pengenaan kos pengurusan perampasan di dalam syor Pentadbir Tanah di bahagian syarat-syarat kelulusan seperti contoh berikut:

Kos Pengurusan : RM 1,500.00 atau RM 1,200.00  
Perampasan

#### 4. Tarikh Kuatkuasa

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan pekeling ini dipatuhi sepenuhnya.

  
( DATO' ZULKIFLI BIN BAHARAN )  
Pengarah Tanah dan Galian Negeri,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 12 April 2016  
Rujukan : Bil (90) dlm. PTG.NS 10/14 klt.3